

03 OCT 2001

KIA-NAZA

KIA CADANG BINA KILANG PEMBUATAN DI MALAYSIA

Oleh: Leslean Arshad

PETALING JAYA, 3 Okt (Bernama) -- Pengeluar kereta dari Korea, Kia Motors Corporation, dan kumpulan tempatan, Naza, sedang berunding untuk membina kilang pembuatan di Malaysia untuk mengeluarkan model-model kenderaan Kia bagi pasaran Asean.

"Mereka sedang mengkajinya, mungkin kerana 2005. Sekarang, mereka berunding dengan kami," kata pengarah urusan kumpulan Naza, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin, kepada sidang media selepas pelancaran kereta Kia Spectra yang dipasang di dalam negara oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Tan Sri Aziz Ismail, pengerusi Naza Kia Sdn Bhd, pula berkata Kia kini serius dalam mencari sebarang jenis usaha niaga di Malaysia kerana mereka kagum dengan kelebihan Malaysia yang stabil dari segi politik dan kedudukan ekonomi.

Antara cadangan mereka adalah menubuhkan kilang pembuatan kenderaan Kia di Malaysia.

Aziz berkata kumpulan Naza dan Kia telah berunding sejak tahun lepas tentang cadangan itu. Naza Kia Sdn Bhd, anggota kumpulan Naza, merupakan pengedar tunggal kenderaan-kenderaan KIA di Malaysia.

Aziz, bagaimanapun, tidak pasti samada pembinaan kilang yang dicadangkan itu akan siap sebelum 2005, iaitu tahun di mana pasaran Asean bagi sektor automotif akan diliberalisasikan.

Aziz berkata Naza mungkin akan menimbangkan Selangor sebagai lokasi kilang yang dicadangkan melihat kepada sambutan yang ditunjukkan oleh kerajaan negeri Selangor.

Sementara itu, Nasimuddin berkata Naza bercadang untuk memasang dua model Kia lagi, iaitu kenderaan pelbagai guna (MPV) dan van.

Pemasangan model-model ini dijadualkan bermula pada April tahun depan dan dijangka berada di jalan raya menjelang Oktober 2002, katanya. --

BERNAMA

LES SEL JR